

DIPROSALIC[®] OINTMENT

Betamethasone dipropionate/salicylic acid (0.5 mg/30 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diprosalic ointment
2. Bagaimana Diprosalic ointment berfungsi
3. Sebelum mengambil Diprosalic ointment
4. Cara menggunakan Diprosalic ointment
5. Semasa menggunakan Diprosalic ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diprosalic ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Diprosalic ointment

Diprosalic ointment digunakan untuk melegakan simptom keradangan yang disebabkan oleh penebalan kulit dan masalah kulit tertentu yang berkesan dirawat dengan ubat cortisteroids, termasuk psoriasis, dermatitis, ekzema, iktiosis dan liken planus.

Psoriasis ialah penyakit kulit yang menyebabkan tompok-tompok merah yang gatal dan bersisik pada siku, lutut, kulit kepala dan bahagian-bahagian lain badan. Ekzema ialah sejenis keadaan kulit gatal yang kerap berlaku menyebabkan merah-merah, bengkak, lelehan, dan pembentukan kerak yang boleh mengakibatkan kulit bersisik. *Dermatitis* ialah radang kulit. Iktiosis ialah sejenis penyakit kulit yang bercirikan kulit yang kering dan bersisik yang mungkin menjadi tebal.

Bagaimana Diprosalic ointment berfungsi

Diprosalic ointment mengandungi betamethasone dipropionate dan salicylic acid sebagai bahan aktif. Betamethasone dipropionate tergolong ke dalam kumpulan ubat kortikosteroid topikal yang disapukan pada permukaan kulit untuk mengurangkan kemerahan dan rasa gatal yang disebabkan oleh masalah kulit yang tertentu. Salicylic acid melembutkan lapisan atas sisik pada permukaan kulit, yang disebabkan oleh penyakit kulit yang anda hidapi itu. Ini membolehkan betamethasone dipropionate sampai ke lapisan kulit yang berpenyakit di bawahnya untuk memulihkannya. Salicylic acid juga bertindak menghentikan membiakan bakteria dan kulat.

Sebelum mengambil Diprosalic ointment

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan guna Diprosalic ointment

- jika anda alah (hipersensitif) terhadap betamethasone dipropionate, salicylic acid atau terhadap mana-mana bahan lain di dalam ubat ini (disenaraikan di dalam bahagian "*Bahan-bahan Kandungan*").

- *Sebelum mengambil Diprosalic Ointment*

- Bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Diprosalic ointment.
- Ubat ini tidak boleh digunakan di bawah balutan atau plaster kecuali diarahkan oleh doktor.

Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan.

- Ubat di dalam kelas ini tidak boleh digunakan dengan banyak atau lama pada wanita hamil. Diprosalic ointment tidak disyorkan bagi wanita

yang sedang menyusukan anak dengan susu badan.

- Jika anda hamil atau sedang menyusukan anak dengan susu badan, atau jika anda mungkin hamil atau bercadang untuk menjadi hamil, minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

Kanak-kanak

Jangan sapukan salap ini di bawah lampin anak anda kerana ini memudahkan bahan aktif ubat ini terserap ke dalam kulit lalu menyebabkan kesan yang tidak diingini, kecuali diarahkan oleh doktor.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Diprosalic ointment

- *Berapa banyak harus digunakan*

Gunakan ubat ini tepat-tepat mengikut arahan doktor atau ahli farmasi. Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

Sapukan lapisan tipis Diprosalic ointment untuk melitupi seluruh kawasan yang terjejas, dua kali sehari.

- *Bila perlu digunakan*

Sapukan Diprosalic ointment dua kali sehari, pagi dan malam. Jika penyakit kulit anda semakin pulih, beritahu doktor kerana anda mungkin boleh menggunakan salap ini secara kurang kerap.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Jangan gunakan Diprosalic ointment selama tempoh yang panjang kecuali diarahkan oleh doktor.

DIPROSALIC[®] OINTMENT

Betamethasone dipropionate/salicylic acid (0.5 mg/30 mg)

- Jika terlupa menggunakan

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Gunakan dos yang terlupa itu sebaik sahaja anda ingat. Jika waktunya sudah hampir dengan waktu dos yang seterusnya, tunggu sehingga tibanya waktu itu untuk menggunakan ubat ini dan abaikan sahaja dos yang tertinggal itu. Jangan gunakan dua dos sekali untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Salap ini boleh membuatkan anda berasa loya dan/atau muntah dan menyebabkan anda mendengar bunyi dengung di dalam telinga. Jika anda tidak menggunakan salap ini seperti yang diarahkan dan telah menggunakannya terlalu kerap dan/atau terlalu lama, anda harus beritahu doktor atau ahli farmasi.

Semasa menggunakan ubat ini

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menghidap penyakit kulit yang lain.
- Gunakan ubat ini tepat-tepat mengikut arahan doktor.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil ketika menggunakan ubat ini.
- Jika kulit anda menjadi kering, rensa atau sensitif selepas menggunakan Diprosalic ointment, berhenti menggunakannya dan beritahu doktor.
- Jika anda rasa anda mendapat jangkitan kulit semasa menggunakan Diprosalic ointment, beritahu doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berikan Diprosalic ointment kepada orang lain, walaupun mereka mengalami simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- Jangan gunakan Diprosalic ointment lebih kerap daripada yang sepatutnya, pada kawasan badan yang luas, selama tempoh yang panjang, di bawah balutan, plaster atau lampin, atau lebih banyak daripada yang diarahkan, kerana ini akan meningkatkan kemungkinan berlakunya kesan sampingan, kecuali diarahkan oleh doktor.
- Jangan biarkan salap ini memasuki mata atau terkena membran mukus.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan oleh kanak-kanak
Kanak-kanak menyerap lebih banyak disebabkan nisbah keluasan permukaan kulit kepada berat badan yang lebih tinggi. Kelenjar adrenal yang tertekan, sindrom Cushing, tumbesaran terbantut, kenaikan berat badan yang perlahan, dan tekanan yang meningkat di dalam tengkorak pernah dilaporkan berlaku pada kanak-kanak yang menerima ubat corticosteroids topikal. Antara manifestasi kelenjar adrenal yang tertekan pada kanak-kanak ialah aras kortisol yang rendah di dalam darah dan tidak bergerak balas terhadap rangsangan hormon yang tertentu. Antara manifestasi tekanan tinggi di dalam kranium ialah sakit kepala dan bengkak pada saraf mata.

Jika digunakan lebih kerap daripada yang sepatutnya, pada kawasan badan yang luas, selama tempoh yang panjang, atau lebih banyak daripada yang diarahkan, salap ini boleh mengganggu beberapa hormon anak anda. Ini boleh

menjejaskan tumbesaran dan perkembangan mereka.

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, Diprosalic ointment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Antara kesan sampingan yang pernah dilaporkan berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang disapukan pada kulit ialah:

- rasa pedih
- gatal-gatal
- kulit rensa
- kulit kering
- radang folikel rambut
- pertumbuhan rambut yang berlebihan
- jerawat
- kekurangan pigmentasi kulit
- *dermatitis* di sekeliling mulut (bintik-bintik merah yang kecil di sekeliling mulut)
- tindak balas alergi (alahan) pada kulit

Antara kesan sampingan yang lazim dilaporkan berlaku apabila menggunakan Diprosalic ointment di bawah balutan atau plaster ialah:

- kulit menjadi lembut dan mudah luka
- jangkitan sekunder pada kulit
- kulit menjadi nipis
- tanda regangan pada kulit
- ruam panas

Salicylic acid boleh juga menyebabkan *dermatitis* (radang kulit).

Beritahu doktor jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan. Kesan sampingan yang

DIPROSALIC[®] OINTMENT

Betamethasone dipropionate/salicylic acid (0.5 mg/30 mg)

boleh berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang disedut atau dimakan boleh juga berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang disapukan pada kulit, terutamanya bagi bayi dan kanak-kanak.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Diprosalic ointment

- Penyimpanan

- Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.
- Simpan pada suhu yang kurang daripada 30°C.
- Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Jangan buang ubat bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanya ahli farmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap yang licin, sekata, berwarna kuning keputih-putihan dan tidak mengandungi bendasing.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap gram mengandungi 0.64 mg betamethasone dipropionate, yang bersamaan dengan 0.5 mg (0.05%

w/w) betamethasone, dan 30 mg (3% w/w) salicylic acid.

Bahan tidak aktif:
Petroleum putih dan minyak mineral.

- Nombor MAL
MAL19871163AZ

Pengilang

S-P Canada, 3535 TransCanada, Pointe-Claire, Quebec, Canada H9R 1B4 dengan kebenaran Merck & Co., In., Whitehouse Station, NJ, U.S.A.

Pemegang Pendaftaran Produk

Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn. Bhd.
T2-9, Jaya 33, No. 3 (Lot 33)
Jalan Semangat, Seksyen 13
46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/03/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)220316/00086